

Headline	Usaha murni catat rekod		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	13 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	23	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	311 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,711
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,132



Usaha murni catat rekod

Projek pelihara kelip-kelip tersenarai dalam Malaysia Book of Records

BUKIT BELIMBING –Projek Penyediaan Kawasan Pembiakan Kelip-Kelip pertama di Malaysia hasil kerjasama Kerajaan Negeri dan Aeon Malaysia di Tanjung Beluntas, di sini mencipta sejarahnya apabila direkodkan dalam Malaysia Book of Records.

Pengerusi Aeon Malaysia Bhd, Nur Qamarina Chew berkata, pengumuman program ini adalah hasil perjanjian Aeon Malaysia dengan Kerajaan Negeri bagi Projek Pemuliharaan Kawasan Pembiakan Kelip-Kelip selama tiga tahun yang akan dibahagikan kepada beberapa fasa.

“Projek penanaman pokok fasa satu ini adalah program permulaan bagi projek pemeliharaan kawasan pembiakan kelip-kelip di daerah ini yang dimulakan sejak 2011 dengan penglibatan semua pihak.

“Dalam program ini, sebanyak 600 pokok daripada 1,000 pokok akan ditanam 400 sukarelawan yang terdiri kakitangan Aeon, pembekal Aeon, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor, Persatuan Hutan Gambut, OISCA dan penuntut Open University Malaysia (OUM), pelajar sekolah dan penduduk setempat.

“Kita perlu bersyukur kerana di-anugerahkan khazanah alam yang begitu banyak di Malaysia termasuk keajaiban kelip-kelip yang mampu menarik perhatian bukan sahaja pengunjung tempatan, bahkan luar negara.

“Usaha ini juga akan menggalakkan lebih ramai pengunjung yang pastinya memberi peluang kepada peniaga kecil menjana ekonomi sekali gus menaikkan taraf ekonomi termasuk industri perhotelan dijangka terus berkembang.

“Kita harap usaha yang dilaksanakan ini akan memberi peluang kepada generasi akan datang untuk bersama melihat keajaiban alam ini

Headline	Usaha murni catat rekord		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	13 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	23	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	311 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,711
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,132

dan usaha ini akan dapat dicontohi badan korporat lain di seluruh Negara,” katanya dalam ucapannya sempena Majlis Menanam Pokok bagi Penyediaan Kawasan Pembiakan Kampung Bukit Belimbing, kelmarin.

Hadir sama, Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Datuk Noordin Sulaiman, Pegawai Daerah Kuala Selangor, Datuk Mohd Misri Idris, Yang Dipertua MDKS, Noraini Roslan, Orang Besar Daerah, Datuk Mohd Yaacob Ismail dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Malawati, Ir M Muthiah.

Terdahulu, Abdul Khalid ber-

kata, projek pemeliharaan habitat kelip-kelip di Kuala Selangor adalah usaha sama antara Kerajaan Negeri Selangor bersama syarikat Aeon yang dilaksanakan selama tiga tahun dengan penajaan RM390,450.

“Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) mengambil keputusan untuk melakukan pengambilalihan semula tanah seluas 95.38 hektar di Tanjung Beluntas dengan tujuan memelihara habitat spesies itu daripada terus diancam.

“Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) turut disenaraikan sebagai agensi pelaksana bagi memelihara spesies ini dan pada 2 Julai 2009, Kerajaan Negeri mewartakan kawasan zon perlindungan kelip-kelip

menurut Seksyen 48 Enakmen Lembaga Urusan Air Selangor (Luas) 1999.

“Luas berjaya mendirikan papan tanda pemberitahuan zon perlindungan di beberapa lokasi strategik seperti di jeti Kampung Kuantan dan Kampung Bukit Belimbing,” katanya yang turut memaklumkan kawasan di sekitar Kampung Bukit Belimbing dan Kampung Kuantan akan diwartakan sebagai zon penampakan dan kawasan rizab bagi memelihara habitat kelip-kelip.



Abdul Khalid (tiga, kanan) menerima pengiktirafan Malaysia Book of Records bagi Projek Penyediaan Kawasan Pembiakan Kelip-Kelip pertama di Malaysia.